

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

AKP 300 - Pengurusan Kewangan

Tarikh : 31 Oktober 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Jawab SATU soalan daripada Bahagian I dan TIGA lagi daripada Bahagian II. Semua soalan mempunyai kadar pembahagian MARKAH yang SAMA.

BAHAGIAN I

1. (a) Beri definisi untuk RISIKO dalam bidang kewangan.

(12.5 markah)

(b) Jelaskan perhubungan teoretikal antara RISIKO dan PULANGAN.

(12.5 markah)

2. Pada masakini, kadar pelbagai pelaburan di Amerika Syarikat adalah seperti berikut:-

Pelaburan	Kadar Bunga
Bon "floating rate" kerajaan	3%
T-bil 3 bulan	6%
"Note" firma 6 bulan	8%
T-bon 5 tahun	9%
T-bon 15 tahun	10%
Bon firma AAA 30 tahun	10.5%
"Junk bond"	15%

Terangkan alasan-alasan dan faktor-faktor yang mengakibatkan satu struktur kadar bunga seperti ini.

(25 markah)

BAHAGIAN II

3. (a) Jelaskan dalam bahasa yang mudah difahami kepentingan "COST OF CAPITAL" (Kos Bekalan Modal).

(12.5 markah)

(b) Tunjuk dengan mengguna contoh-contoh, bagaimana "Weighted Average Cost of Capital" (Wajaran Purata Kos Bekalan Modal) boleh dihitungkan bagi sebuah syarikat.

(12.5 markah)

4. (a) Apakah penggunaan-penggunaan CAPM di Barat?

(12.5 markah)

(b) Apakah alasan-alasan yang mungkin menyebabkan CAPM kurang berguna di Malaysia?.

(12.5 markah)

5. Pilih (A) ATAU (B)

(A) Jelaskan dalam bahasa yang mudah difahami kepentingan konsep leverage operasi dan struktur kewangan kepada seorang pengurus kewangan.

(25 markah)

(B) Huraikan pendekatan tradisional dan M & M kepada struktur kewangan optimal. Yang mana pendekatan lebih disukai oleh anda dan mengapa?

(25 markah)

6. Ada dikatakan bahawa tanggungjawab utama seorang pengurus kewangan adalah untuk menambah nilai untuk pemilik-pemilik sebuah firma. Jelaskan bagaimana seorang pengurus kewangan boleh menambah nilai.

(25 markah)

(AKP 300)

7. (a) Huraikan satu kaedah belanjawan modal tradisional dan satu kaedah belanjawan modal moden. Apakah kelemahan-kelemahan dan kebaikan-kebaikan setiap satu?

(17 markah)

- (b) Jelaskan bagaimana risiko dan ketidaktentuan sesuatu projek boleh diambil kira dalam proses belanjawan modal.

(8 markah)

8. Tulis nota-nota pendek tentang:-

- (a) Analisi sensitiviti dalam bidang kewangan.

(8 markah)

- (b) Polisi dividen mengikut pendekatan M & M.

(8 markah)

- (c) Penggunaan analisi probabiliti dalam perancangan kewangan.

(9 markah)

--ooooo000oooo--